

BAB IV

KESALAHAN DAN HUKUMAN

I) Kesalahan-Kesalahan dan Hukuman

Menurut Islam hukuman itu boleh dibahagikan kepada dua (2) bahagian
iaitu:

- i) Hadd - iaitu hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah seperti hukuman memotong tangan kepada pencuri-pencuri, melontar batu kepada pezina-pezina dan sebagainya.
- ii) Ta'zir - iaitu hukuman yang ditetapkan oleh badan perundangan sesebuah negeri. Ini dimaksudkan undang-undang ciptaan manusia sendiri.¹ Ini termasuklah juga Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang 1956 yang dikuatkuasakan di Pahang di mana kedua bahagian ini telah disatukan.

Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 menetapkan bahagian IX(9)nya sebagai peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum oleh hakim-hakim Mahkamah Syariah. Bahagian-bahagian ini boleh dibahagikan kepada enam kumpulan:²

1. Abdul Rahim, The Principles of Muhammadan Jurisprudence, hal. 361
2. Ahmad Ibrahim, Islamic Law in Malaya, hal. 315.

- i) Kesalahan-kesalahan keluarga (matrimonial offences).
- ii) Melakukan persetubuhan tak sah (unlawful sexual intercourse).
- iii) Perkara-perkara memabukkan.
- iv) Beberapa kesalahan dalam kehidupan masyarakat Islam.
- v) Muallaf dan anak angkat.
- vi) Kesalahan-kesalahan kerana penyebaran agama.

i) Kesalahan-kesalahan Keluarga (matrimonial offences)

Bahagian ini meliputi kesalahan-kesalahan dalam hubungan antara suami-isteri dan hubungannya dengan pihak ketiga lainnya. Seseorang suami yang menyiksa dan menginiayai hartabenda isterinya hendaklah dihukum denda tiada lebih daripada satu ratus (\$100) atau penjara tiada lebih daripada empat belas (14) hari ataupun kedua-duanya sekali.³ Ini memberi peruntukan kawalan ke atas keselamatan seseorang isteri itu daripada teraniaya. Kalau bahagian itu memperuntukkan kesalahan isteri, seksyen 154 pula memberi hak kepada seorang suami pula. Mana-mana isteri yang sengaja tiada taat

3. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, seksyen 153.

kepada apa-apa perintah yang diberi oleh suaminya setelah dinasihatkan oleh Kadi dan mengikut Hukum Syarah bolehlah dihukum denda tiada lebih daripada lima puluh ringgit (\$50) bagi kesalahan pertama, seratus ringgit (\$100) untuk tiap-tiap kesalahan berikutnya ataupun dipenjarakan empat belas hari. Berdasarkan ini kedapatan tanggungjawab seorang suami itu lebih berat dari seorang isteri berdasarkan hukuman yang dikenakan.

Seseorang yang telah dengan sah menceraikan isterinya, berbalik bersekedudukan semula sebagai suami isteri dan tidak melafazkan rujuk yang sah hendaklah dihukum dengan penjara selama tidak lebih dari enam bulan atau dengan denda tidak lebih daripada lima ratus (\$500) ringgit atau kedua-duanya sekali. Jika sekiranya isterinya tidak tahu akan penceraian itu, maka hukumannya diringankan dengan penjara enam bulan sahaja.⁴ Perempuan yang turut bersubahat dengan kesalahan-kesalahan itu juga boleh dihukum samada dengan penjara enam bulan atau denda dua ratus lima puluh ringgit (\$250) atau keduanya sekali.

Dalam undang-undang sekarang telah diperuntukan bahawa setiap pihak perlulah mendaftar perkahwinannya.⁵ Sesiapa menikah atau menjalankan pernikahan antara orang-orang Islam tetapi melanggar syarat-syarat

4. Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, seksyen 156.

5. Dengan menggunakan borang tertentu.

mendaftarkan perkahwinannya maka dikenakan hukuman tidak lebih lima ratus ringgit (\$500) atau penjara enam (6) bulan.⁶ Mereka-mereka yang ber-subahat dengan kesalahan ini juga boleh dihukum. Mereka-mereka yang lalai tugasnya sebagai Pendaftar boleh didenda tidak lebih daripada seratus ringgit (\$100). Juga jika Pendaftar membuat keterangan lisan atau tulisan dengan berbohong dikenakan hukuman lima ratus ringgit (\$500).

ii) Persetubuhan Haram (Unlawful Sexual Intercourse)

Apa yang dimaksudkan sebagai persetubuhan haram disini ialah persetubuhan tanpa akad nikah dan lain-lain perkara wajib sahnya satu perkahwinan itu. Begitu juga seseorang perempuan hanya dibenarkan bersuami satu sahaja, jika lebih dari itu ia dituduh sebagai 'bigamy' seperti yang berlaku dalam kes Reg v Rabia.⁷ Dalam perkara 'bigamy' seseorang itu mestilah membuktikan bahawa perkahwinan pertamanya itu tak sah, dibubar ataupun telah bercerai. Di dalam kes: AG v Reid⁸ pula mengenai seorang Kristian yang telah memeluk Islam dan berkahwin lagi. Menurut hakim masa itu, ia didapati salah kerana isteri Kristiannya itu masih hidup dan sah perkahwinannya menurut Kristian. Mengenai kes DPP v Abdul Rahman⁹ yang berlaku di Singapura, si dituduh disabitkan dengan kesalahan melari-

6. Ibid, seksyen 158.

7. (1889) 4 Ky. 513.

8. (1940) 9MLJ. 214.

9. (1963) 29 MLJ. 213.

kan perempuan bawah umur enam belas (16) tahun walaupun perempuan itu dianggap sebagai telah cukup umur (attain proberty). Di dalam Islam seseorang perempuan dibenarkan berkahwin jika telah cukup umur atau mencapai ~~akil~~ baligh. Oleh itu tiada ketetapan bilakah had umur minima yang dibenarkan kepada seseorang perempuan untuk berkahwin. Kebanyakan negara-negara Islam telah memperuntukkan had umur 18 tahun bagi lelaki dan 16 tahun bagi perempuan. Walaubagaimanapun di Malaysia perkahwinan dibawah umur tiga belas tahun adalah menjadi satu kesalahan rogol. Ketetapan ini dibuat di dalam Kanun Kesiksaan.¹⁰

Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956 tiada memberi tafsiran mengenai apa yang dimaksudkan sebagai per-setubuhan haram. Cuma peruntukaannya sahaja dibayangkan dalam seksyen 156(3) iaitu mana-mana isteri dan suami melakukan sekedudukan haram setelah bercerai tetapi tidak dilafazkan rujuknya. Kesalahan ini boleh membawa denda lima ratus ringgit (\$500) atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali. Begitu juga dengan seksyen 157, mengenai perlakuan sumbang (incest). Barangsiapa yang bersetubuh dengan seorang yang ianya ditegah atau yang diketahuinya ditegah bernikah oleh Hukum Syarak adalah melakukan kesalahan ini termasuklah kedua-dua pihak yang terlibat itu. Sabit kesalahan boleh menyebabkan pihak-pihak dipenjara enam bulan denda dua ratus lima puluh ringgit (\$250). Apa yang dimaksudkan sebagai yang

10. Seksyen 375, Kanun Kesiksaan.

ditegah oleh Hukum Syarak itu, pada maksud peruntukan ini, ialah satu hubungan sepersusunan atau hubungan yang lahir dari perkahwinan (seperti bapa mertua, adik ipar dan sebagainya).

Mengenai khalwat, pada pengertian lainnya dimaksudkan jua 'bercumbuan', sesiapa lelaki Islam yang didapati bercumbuan atau bersunyian yang dipercayai boleh mendatangkan syak untuk bertujuan melakukan zina atau bercumbuan dengan perempuan yang bukan mu'min adalah didapati salah. Sabit kesalahan ini boleh menyebabkan pihak-pihak dipenjara empat belas hari atau denda lima puluh ringgit (\$50) dan bagi tiap-tiap kesalahan berikutnya satu bulan penjara dan denda satu ratus ringgit (\$100). Manamana perempuan yang didapati bersubahat dengan kesalahan khalwat itu juga didenda dengan tujuh hari penjara atau denda dua puluh lima ringgit (\$25). Jika salah satu pihak yang melakukan kesalahan itu bukan Islam, maka pihak Islam itu dikenakan penjara enam (6) bulan atau denda \$500.¹¹

111) Perkara-Perkara Memabukkan

Perkara memabukkan dimaksudkan sebagai perkara yang boleh menyebabkan seseorang itu hilang fikiran warasnya. Sesiapa di dalam kedai atau tempat awam, membeli, menjual atau meminum arak (intoxicating liquer) boleh didenda dua puluh lima ringgit (\$25) untuk kesalahan pertama dan

11. Op-cit., seksyen 155(i), (ii), (iii).

lima puluh ringgit (\$50) untuk tiap-tiap kesalahan berikutnya.¹² Mana-mana pihak atas sifatnya sebagai orang gaji melakukan kesalahan tadi, maka majikannya juga dianggap sebagai telah bersubahat kecuali dapat mengesahkan bahawa kesalahan itu bukan dengan hubungannya, pengetahuannya atau izinnya setelah diambil semua langkah-langkah yang menasabah untuk mengelak berlakunya kesalahan itu.¹³ Mengenai penjualan minuman memabukkan itu, satu peraturan telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dibawah tajuk 'Excise Rule 1923'. Peruntukan-peraturan ini memestikan pihak-pihak yang menjual minuman itu meminta kebenaran atau lesen dari pegawai penguatkuasa peraturan itu untuk menjualnya.

iv) Aspek-Aspek Kesalahan Dalam Masyarakat Islam

Peruntukan ini meliputi semua bahagian yang bersabit dengan keperluan yang mesti dibuat oleh tiap-tiap individu Islam dalam kehidupan sehariannya.

Sembahyang Jumaat diwajibkan kepada seseorang lelaki Islam.

Mana-mana lelaki Islam yang berumur lima belas tahun ke atas yang tidak memunaikan kewajipan ini boleh didenda dengan dua puluh lima ringgit (\$25). Kekecualiannya ialah tidak menjadi kesalahan jika ketiadaan hadirnya itu boleh dimaafkan dibawah Hukum Syarak.¹⁴

13. Ibid, seksyen 151, berdasarkan prinsip 'master & servant' di dalam Undang-undang Tort.

14. Ibid, seksyen 148.

Setiap orang Islam diwajibkan berpuasa pada bulan Ramadhan selama sebulan. Kecuali di dalam beberapa keadaan dimana mereka dibenarkan meninggalkannya tetapi hendaklah dikadhakan.

Sesiapa jua pada waktu siang hari di dalam bulan Ramadhan membeli dengan tujuan hendak dimakan dengan serta merta atau menjual kepada seseorang yang beragama Islam kerana dimakan dengan serta merta boleh dihukum denda lima puluh ringgit (\$50). Mana-mana orang yang tiada harus pada Hukum Syarak berbuka puasa, memakan sebarang makanan, atau minuman atau menghisap sebarang tembakau pada siang hari boleh didenda dua puluh lima ringgit (\$25) untuk kesalahan pertama dan lima puluh ringgit (\$50) bagi tiap-tiap kesalahan berikutnya.¹⁵ Menurut beberapa pindaan pesalah-pesalah boleh juga dihukum penjara tidak lebih dari tujuh hari.

Zakat dan fitrah merupakan tugas Majlis. Setiap orang Islam diwajibkan membayar fitrah pada tiap-tiap bulan Ramadhan dan bagi mereka yang mampu untuk membayar zakat seperti zakat harta, tanaman dan ternakan. Adalah menjadi kesalahan dan harus dihukum pada mereka-mereka yang enggan membayarnya.¹⁶

Sesiapa yang wajib membayar zakat atau fitrah dan tidak berjaya mendapatkan pengecualian dari membayarnya, dan enggan membayarnya boleh didenda seratus ringgit (\$100) atau penjara sebulan. Hukuman yang di-

15. Ibid, seksyen 150.

16. Nawawi, Minhaj at-Talibin, terjemahan E.C. Howard, (Lon) 1914, hal.80.

jatuhkan oleh mahkamah tidaklah melepaskan dia daripada hutangnya itu. Zakat dan fitrah yang wajib dibayar itu boleh dituntut pada nilai harga yang bersamaan dengan hasil yang diwajibkan bayar itu dan diperintah sah oleh mahkamah.¹⁷

Sesiapa dengan sebarang apa cara memakan atau menghasut orang lain dengan tulisan, pertuturan atau lain-lain daripada membayar fitrah atau zakat adalah melakukan kesalahan. Atas kesalahan ini ia boleh dipenjara satu bulan atau denda seratus ringgit (\$100).¹⁸

Di dalam negeri Pahang, Duli Yang Maha Mulia Sultan mempunyai kuasa mutlak dalam hal ugama Islam. Oleh itu sebarang hal-hal berkaitan hendaklah dirujuk juga kepada baginda. Mengenai Hari Raya Fitrah atau Haji, Sultan boleh atas persetujuan Majlis Raja-Raja, mengistiharkan hari-hari tertentu sebagai harinya. Sesiapa jua yang engkar akan titah perintah yang sah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan itu hendaklah dihukum dengan denda dua puluh lima ringgit (\$25).¹⁹

v) Muallaf dan Anak Angkat

Di dalam Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, tidak dibuat sebarang peruntukan mengenai anak angkat.

17. Op-cit., seksyen 172.

18. Ibid., seksyen 173(2).

19. Ibid., seksyen 152.

Walaupun bagaimanapun dari segi pembahagian harta, di dalam Islam sekalipun, anak angkat tidak dapat pembahagiannya sebagaimana dinyatakan oleh al-Quran berbunyi;

"Allah tidak menjadikan anak angkat menjadi anak bagimu. Panggilah anak angkat itu dengan nama yang disertai dengan nama ayahnya, anak yang telah terlanjur engkau angkat sebagai anak, sedangkan engkau tidak dapat ketahui lagi siapa orang tuanya sebenarnya, adalah saudaramu dalam ugama dan mewakili bagimu."

20

Cuma di negeri Trengganu sahaja kedatangan peruntukan mengenai anak angkat dinyatakan. Adalah menjadi kesalahan jika ambil anak angkat di bawah umur empat belas tahun tujuh bulan tanpa kebenaran bertulis dari Jabatan Ugama.²¹

Mengenai Muallaf terdapat bahagian khas memperuntukannya iaitu bahagian lapan (VIII).

Majlis hendaklah menyimpan satu daftar untuk semua orang-orang yang telah dimasukkan ke Ugama Islam di dalam negeri ini bersama-sama dengan kenyataan berkenaan masuknya ke Ugama Islam sebagaimana yang ditetapkan oleh perantaraan dibawah undang-undang ini. Sesiapa tiada dibenarkan mendaftar-

20. Al-Quran, surah al-Ahzab, ayat 425.

21. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Trengganu 1955, seksyen

kan masuk Uqama Islam melainkan mengikut apa-apa yang terkandung di dalam undang-undang ini atau sebarang peraturan yang diperbuat dibawah undang-undang ini.²²

Menurut Undang-undang Tadbir Uqama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, 1956, seksyen 146, menyatakan bahawa sesiapa yang memasukkan ke dalam Islam hendaklah memberi kenyataan kepada Kadi. Jikalau Kadi puas-hati maka surat akuan dikeluarkan. Jika mereka (muallaf) ini ingin keluar Islam, maka hendaklah ia menyatakan kepada mahkamah keputusannya itu dan mahkamah akan mengistiharkan perkara itu.

v) Kesalahan-Kesalahan Bersabit Dengan Uqama

Menurut Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap rakyat bebas berugama walaupun uqama Islam dianggap sebagai uqama resmi.²³ Islam digalak menyebarkannya kepada sesiapa jupun. Namun demikian terdapat kekecualian-nya. Sesiapa terkecuali di dalam tempat kediamannya sendiri dihadapan ahli-ahli rumahnya sahaja mengajar atau bertujuan hendak mengajar hukum Uqama Islam dengan tiada mempunyai tauliah Duli Yang Maha Mulia Sultan adalah melakukan kesalahan, boleh dihukum penjara sebulan atau tidak lebih dari denda seratus ringgit (\$100).²⁴

22. Op-cit., seksyen 142.

23. Perlembagaan Persekutuan, perkara 3(1).

24. Op-cit., seksyen 165.

Mengenai ajaran-ajaranyang tersebar itu, di masa sekarang kelihatan telah kedapatan penyebaran ajaran yang salah. Sesiapa mengajar atau menghuraikan dihadapan orangramai sesuatu ajaran at u menjalankan sesuatu istiadat atau perbuatan yang disangkutkan dengan Ugama Islam yang berlawanan dengan Hukum Syarak adalah melakukan kesalahan dan hendaklah dihukumkan dengan denda tidak lebih dari dua ratus lima puluh ringgit (\$250).²⁵

Sesiapa yang mengeluarkan atau mana-mana pertubuhan mengeluarkan atau difahamkan mengeluar apa-apa fatwa atau peraturan di atas apa-apa masaalah undang-undang atau ajaran Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu boleh disabit dengan penjara tiga bulan atau denda(\$250). Kekecualian diberi kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis, Mufti atau sesiapa yang diberi kuasa oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Dulia Yang Maha Mulia Yang Di Pertua Agong.²⁶

Selain daripada mengajar ugama atau mengeluarkan fatwa, menjadi kesalahan juga jika menerbitkan buku-buku ugama yang salah. Barangsiapa yang mencetak, menerbit atau membahagikan untuk jualan atau dengan diberi percuma atau dengan cara pertunjukkan atau dengan apa jalan yang lain, atau sesiapa yang di dalam simpanannya buku-buku atau surat-surat yang memberi atau fatwa-fatwa yang bersalahan dengan empat mazhab atau fatwa yang telah dikeluarkan menjadi satu kesalahan dan didenda dua ratus lima puluh ringgit (\$250).

25. Ibid, Seksyen 166.

26. Ibid, seksyen 167.

27. Ibid, seksyen 168.

Mengenai perubahan masjid juga perlu mematuhi syarat tertentu. Mana-mana masjid tidak boleh didirikan atau tiada mewakafkan sebuah bangunan kerana tujuan sebuah masjid kecuali telah mendapat kebenaran bertulis dari Majlis Tapak tanah itu telah diwakafkan dan diistiharkan di dalam Warta Kerajaan. Sembahyang Jumaat juga tidak boleh diadakan di mana-mana dalam negeri tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Majlis. Sesiapa yang bersalah boleh dihukum penjara tiga (3) bulan atau denda lima ratus ringgit (\$500).

Seksyen 169 hingga 171 Undang-undang Tadbir Ugama Islam dan Adat Istiada Melayu Pahang, 1956, mengenai Quran dan upacara Ugama Islam. Ayat-ayat Quran atau Hadith tidak boleh dipermainkan dalam lakunan wayang atau tempat-tempat hiburan samada dengan cara mengejek menceca atau meniru-niru. Sabitan kesalahan boleh dipenjara dan denda dua ratus lima puluh ringgit (\$250). Sesiapa yang mengolok-olok atau mengajuk dengan kelakuan menyenda apa-apa perbuatan atau upacara yang berkaitan dengan Ugama Islam hendaklah didenda dua ratus lima puluh ringgit (\$250) atau penjara. Barangsiapa yang didapati membantah perintah sah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau Majlis dan Pegawai-pegawai yang berkaitan dalam urusan-urusan ini hendaklah dipenjara atau denda dua ratus lima puluh ringgit (\$250).²⁸

28. Ibid, seksyen 169, 170 & 171.

Penghasut-penghasut atau pemujuk-pemujuk supaya tidak mematuhi pengajaran Ugama Islam atau tidak hadir ke mesjid boleh didenda tiada lebih daripada \$100/- atau penjara sebulan.²⁹

Kesemua peruntukan mengenai kesalahan ini hanya terpakai kepada orang-orang yang beragama Islam sahaja. Perbicaraan atau tindakan undang-undang cuma boleh dibuat di Mahkamah Kadi Besar atau Kadi Daerah sahaja.³⁰

29. Ibid, seksyen 173.

30. Ibid, seksyen 147(2), 37(4).